

14 DEC 2000

G77-Kemiskinan

KEMISKINAN ANTARA SEBAB MENGAPA IDEA TIDAK DILAKSANAKAN, KATA PENERUS  
G-77

PUTRAJAYA, 14 Dis (Bernama) -- Penerus Kumpulan 77 (G-77) Chief Arthur C.I. Mbanefo hari ini berkata kemiskinan dan kesukaran ekonomi adalah antara sebab mengapa idea-idea yang dibawa oleh negara-negara G-77 semasa mesyuarat antarabangsa tidak dapat dilaksanakan.

Beliau berkata adalah menyedihkan melihat idea-idea bernas itu tidak dapat dilaksanakan.

"Kesukaran ini kadang kala membuat kita merujuk kepada pihak yang memberikan kita penyelesaian sementara," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini.

Mbanefo mengetuai rombongan peserta seminar mengenai "Globalisasi dan Kerjasama Selatan-Selatan" yang berakhir di sini hari ini.

Seminar dan sesi mencambah idea yang diadakan secara tertutup itu adalah anjuran bersama G-77 dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) dan disokong oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia.

Seminar tiga hari itu membincangkan dua isu utama yang penting kepada negara-negara membangun -- globalisasi dan kerjasama Selatan-Selatan.

Mengenai pertemuan mereka dengan Dr Mahathir, beliau berkata Perdana Menteri diberi taklimat ringkas mengenai hasil seminar itu dan para peserta juga diberi maklumat mengenai globalisasi oleh Dr Mahathir.

"Maklumat yang diberikan oleh Dr Mahathir membuatkan kami membuka mata mengenai kesan keseluruhan globalisasi dan kesannya terhadap penduduk," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir juga bersedia mendengar perkara-perkara yang dibangkitkan oleh para peserta itu.

Ditanya mengenai cadangan yang dibuat pada seminar itu, Mbanefo berkata terdapat saranan supaya negara-negara membangun menangani kelemahan mereka sendiri seperti pembinaan kapasiti mereka dan keupayaan mereka untuk meningkatkan keutuhan perpaduan menerusi penyelarasan yang lebih baik untuk G-77.

Selain itu, seminar itu juga mencadangkan supaya negara-negara membangun menerima pakai nilai-nilai yang komited dalam konteks perhubungan antarabangsa, katanya.

Turut hadir pertemuan itu ialah Penerus dan Ketua Pegawai Eksekutif ISIS Tan Sri Dr Noordin Sopiee.

-- BERNAMA

NZ AHH NAK